

# Kecewa tiada gaji minimum

Sinar 10/10/2011 MS 6.

**SHAH ALAM** – Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meluahkan rasa kecewa setelah pengumuman ditunggu-tunggu selama ini iaitu mengenai gaji minimum sektor swasta tidak disentuh di dalam Bajet 2012, Jumaat lalu.

Presidennya, Mohd Khalid Atan berkata, sekalipun tidak menetapkan berapa jumlah gaji minimum itu, sekurang-kurangnya kerajaan perlu menyebut mengenainya.

“Kita bersyukur sekiranya mereka ada sebut akan kaji gaji minimum

sektor swasta, tetapi mereka langsung tidak menyentuh mengenai perkara itu.

“Memang pada saya keseluruhan bajet kali ini memberi kebaikan kepada semua, tetapi apa yang disuarakan dan diperjuangkan sektor swasta tidak mendapat perhatian,” katanya.

Menurutnya, apa yang dinikmati pekerja sektor swasta hasil pembentangan bajet itu ialah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dinaikkan kepada 13 peratus caruman majikan mereka yang

menerima gaji bulanan RM5,000 dan ke bawah serta Skim Persaraan Swasta (SPS) hanya akan diumumkan.

Selain itu, beliau berkata, Elaun Sara Hidup (Cola) yang kini hanya dibayar kepada kakitangan kerajaan juga tidak dinikmati pekerja swasta.

“Sejak dahulu lagi kita memperjuangkan Cola supaya diberikan kepada pekerja swasta, malangnya isu ini juga tidak disentuh. Selain itu, kita juga memperjuangkan had umur persaraan 60 tahun, malangnya

hanya kakitangan kerajaan yang dapat,” katanya.

Sebelum ini, MTUC mahu kerajaan menetapkan gaji minimum melebihi RM900 bagi golongan berpendapatan rendah di negara ini menjelang akhir tahun ini memandangkan jumlah minimum RM900 kini tidak lagi relevan ekoran kenaikan kos sara hidup pada masa kini


“Gaji minimum itu diperjuangkan sejak 11 tahun lalu. Jika kerajaan beri lebih, ia petanda baik tetapi kalau RM700, jumlah itu tidak lagi prakti-

kal pada masa sekarang.

“Kami mencadangkan supaya gaji minimum ditetapkan sekurang-kurangnya RM900, melepasi garis kemiskinan iaitu RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia manakala RM760 dan RM780 untuk Sabah dan Sarawak,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 35 peratus daripada pekerja menerima gaji rendah iaitu di bawah garis kemiskinan malah pendapatan itu dilihat tidak praktikal bagi masyarakat di negara ini.

- \* Kerajaan akan memperuntukkan RM2.5 bilion bagi Dana Mudahcara, di mana RM300 juta bagi usahawan Bumiputera.
- \* Kerajaan akan memperuntukkan RM978 juta bagi mempercepatkan pembangunan di lima koridor wilayah.
- \* Pengecualian cukai pendapatan 70 peratus bagi lima tahun dicadangkan bagi Syarikat Multinasional (MNC) untuk menubuhkan perkhidmatan pengurusan perbendaharaan di Malaysia. Juga dicadangkan kepada MNC, pengecualian cukai pegangan ke atas pembayaran faedah pinjaman dan pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan.
- \* Pengecualian cukai pendapatan 100 peratus bagi tempoh 10 tahun dan pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan bagi syarikat berstatus KLIFD.
- \* Elaun bangunan industri dan elaun modal dipercepat dan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus bagi tempoh lima tahun bagi pemaju hartanah di KLIFD.
- \* Potongan cukai ke atas perbelanjaan penerbitan sukuk wakala diberikan tempoh 3 tahun mulai tahun taksiran 2012.
- \* Pengecualian cukai pendapatan bagi penerbitan sukuk bukan ringgit dan traksaksi dilanjutkan bagi 3 tahun lagi sehingga 2014.
- \* KDNK diunjurkan berkembang lima hingga enam peratus pada 2012.
- \* Sejumlah RM232.8 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan.
- \* Pendapatan kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM186.9 bilion pada 2012 berbanding RM183.4 bilion pada 2011.
- \* Defisit belanjawan dijangka terus berkurangan kepada 4.7 peratus daripada KDNK berbanding 5.4 peratus pada 2011. Kerajaan akan meliberalkan 17 lagi subsektor perkhidmatan secara berfasa pada 2012, merangkumi perkhidmatan hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan dan pergigian, arkitek, kejuruteraan, perakaunan dan percukaian, perundangan, perkhidmatan kurier, pendidikan dan latihan serta telekomunikasi.
- \* Inisiatif ini akan membolehkan hak pegangan ekuiti asing sehingga 100 peratus dalam subsektor terpilih.
- \* 'Rolling plan' kedua akan diperuntukkan RM98.4 bilion dengan RM49.2 bilion masing-masing untuk 2012 dan 2013.
- \* Valuecap Sdn Bhd akan menyediakan RM200 juta sebagai dana permulaan bagi Dana Dagangan Bursa yang mematuhi Syariah.
- \* Felda Global Ventures Holding akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada pertengahan 2012 bagi mengumpulkan dana untuk menjadi sebuah syarikat berstatus konglomerat global.
- \* Kerajaan akan memberikan kadar cukai konsesi 10 peratus ke atas dividen pelabur institusi bukan korporat dan pelabur individu dalam amanah pelaburan hartanah



- bagi lima tahun dari 2012 hingga 2016.
- \* Satu skim Dana Pembiayaan PKS yang mematuhi Syariah berjumlah RM2 bilion akan dikendalikan oleh bank-bank Islam terpilih pada 2012.
- \* Kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta bagi SME Revitalisation Fund yang akan diuruskan SME Bank dan akan ditawarkan pada Januari 2012.
- \* Kerajaan akan menubuhkan satu Dana Kecemasan PKS berjumlah RM10 juta untuk membantu PKS yang terlibat dengan bencana alam.
- \* Pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais bagi kereta hibrid dan kereta elektrik dilanjutkan sehingga 2013.
- \* Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan Langkawi akan dilancarkan dengan peruntukan RM420 juta.
- \* Kerajaan mencadangkan pengusaha hotel di Semenanjung Malaysia yang melabur dalam hotel empat dan lima bintang baharu, diberikan galakan taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus atau Elaun Cukai Pelaburan 60 peratus bagi tempoh lima tahun.
- \* Kadar cukai keuntungan harta tanah akan dikaji semula.
- \* Kerajaan akan menyediakan Dana Inovasi Pengkomersialan patuh Syariah berjumlah RM500 juta pada kadar keuntungan yang menarik.
- \* Kerajaan mencadangkan perkhidmatan reka bentuk industri diberi galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus selama lima tahun.
- \* Kerajaan memperuntukkan RM1.1 bilion pada 2012 bagi pembangunan sektor pertanian.
- \* Kerajaan mencadangkan menaikkan had harga rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku daripada maksimum RM220,000 kepada RM400,000 bermula Januari 2012. Di bawah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sejumlah 7,700 rumah akan dibina di Cyberjaya, Putra Heights, Seremban, Damansara dan Bukit Raja pada 2012 dengan pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah. RM443 juta diperuntukkan bagi pembinaan 8,000 unit untuk jualan dan 7,000 unit untuk disewa di bawah Program Perumahan Rakyat.
- \* Kerajaan akan memperuntukkan RM200 juta sebagai subsidi bagi 10,000 unit rumah yang akan dibina Syarikat Perumahan Negara Bhd. Setiap rumah dengan kos RM65,000, akan dijual dengan harga RM45,000 dengan kerajaan memberi subsidi baki RM20,000.
- \* RM40 juta diperuntukkan bagi membaiki pulih dan menyelenggarakan rumah kos rendah awam dan swasta.
- \* Kerajaan akan memperuntukkan RM63 juta pada 2012 untuk memulihkan 1,270 rumah terbungkalai.
- \* Kerajaan akan memperkenalkan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Peserta boleh memohon pinjaman



- RM5,000 dengan tempoh bayaran balik lima tahun.
- \* MARA akan menyediakan pembiayaan modal kepada warga syarikat korporat yang berkelayakan untuk pembelian ekuiti serta pengambilalihan syarikat berasaskan konsep12.
- \* Kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi program pembangunan usahawan dan kontraktor Bumiputera di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
- \* Kerajaan mencadangkan peruntukan bagi TEKUN dinaikkan kepada RM300 juta.
- \* Amanah Ikhtiar Malaysia akan menyediakan RM2.1 bilion bagi pembiayaan pinjaman mikro kepada usahawan terutamanya wanita. Daripada jumlah ini, RM100 juta disediakan untuk usahawan India Malaysia dan RM100 juta lagi bagi usahawan Cina.
- \* Kerajaan mencadangkan pengecualian duti setem bagi surat cara perjanjian pembiayaan mikro kredit.
- \* MyCreative Venture Capital akan ditubuhkan dengan dana permulaan RM200 juta.
- \* RM200 juta diperuntukkan bagi latihan dan kemahiran belia menerusi Program Strategik untuk Belia 1Malaysia (SAY1Malaysia).
- \* Kerajaan memperuntukkan RM15 juta untuk membina 150 gelanggang futsal tambahan agar matlamat Satu Gelanggang Satu Mukim dapat dicapai.
- \* RM50 juta diperuntukkan untuk membina kemudahan padang tiruan yang dilengkapi dengan lampu limpah di 30 lokasi terpilih seluruh negara.
- \* Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan RM30 juta untuk mengasah bakat atlet muda supaya mereka dapat bersaing dan berjaya di kejohanan sukan peringkat antarabangsa.
- \* Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) akan diperkenalkan bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM), selain menambah baik struktur gaji penjawat awam melalui pembentukan gaji sebaris dengan mewujudkan lebih banyak mata gaji supaya penjawat awam terus mendapat kenaikan tahunan bagi tempoh yang lebih lama.
- \* Kenaikan Gaji Tahunan penjawat awam akan ditingkatkan antara RM80 hingga RM320 mengikut gred. Di samping itu bagi penjawat awam yang menerima opsyen ke SBPA, akan mendapat faedah kenaikan gaji, di antara 7 hingga 13 peratus.
- \* Dengan pelaksanaan SBPA, lebih 600,000 pesara kerajaan akan menikmati pelarasan pencen yang melibatkan peruntukan RM600 juta.
- \* Mulai tahun 2013, kerajaan akan melaksanakan kenaikan tahunan pencen pesara sebanyak 2 peratus setahun tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji.
- \* Kerajaan bersetuju melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimalkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam.